UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

مقاله ڤوست اسلام Vol.6/No.1.Jan-Jun 2020

# Makalah

WADAH SIARAN PUSAT ISLAM UMK

EDISI 6
JANUARI – JUN 2020



# KONVENSYEN PENGURUSAN HAL EHWAL MASJID IPT

*Artikel menarik !*

Keperluan Didik **Cara Islam** Dalam Menghadapi Cabaran Global Langit Terbuka

**PHD : Peluang Hayati Dalil**

eISSN 2805-4660
9 772805 466008

# Sidang Editorial

**Penasihat**
Azhar bin Muhammad

**Ketua Editor**
Ainul Kauthar binti Karim

**Penolong Ketua Editor**
Norma binti Abdullah

**Sidang Editor**
Wan Mohd Amir bin Yusoff
Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady
Mohd Binyamin bin Che Yaacob
Nor Zakwan bin Che Musa
Muhammad Husni bin Kamaruddin
Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

**Rekaan**
Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

**Fotografi**
Khairudin bin Mat Lazim

**Percetakan dan Edaran**
Wan Mohd Amir bin Yusoff

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

**EDITOR MAKALAH**
Pusat Islam UMK
Tel : 09-7797474
Emel : pusatislam@umk.edu.my
Facebook : PUSAT ISLAM UMK

# Kalam Pengarah



*Alhamdulillah* dengan keizinan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua penerbitan Makalah Edisi ke-6 ini dapat diteruskan bagi meneruskan kesinambungan budaya penulisan dan tradisi persuratan di Pusat Islam UMK. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *sallahu alayhi wa sallam* yang diutuskan sebagai rahmat sekalian alam, yang menjadi sinar baharu terhadap seluruh alam buana ini.

Makalah Edisi ke-6 ini sebagaimana biasa merakamkan detik-detik yang dilaksanakan oleh Pusat Islam Universiti dengan kepelbagaian aktiviti keagamaan, kerohanian, kebajikan dan sebagainya yang dilaksanakan atas asas bukan untuk menunjuk-nunjuk kepada sesiapa, tetapi berpegang atas asas kewajiban menyampaikan dakwah dan bantuan walaupun sepatah kata, seulas rasa.

Tahun 2020 menyaksikan satu era dan norma baharu dalam menjalankan aktiviti dan program Pusat Islam Universiti. Pengisytiharan pandemik Corona Virus 19 telah memberikan tamparan yang hebat untuk menggerakkan kelangsungan dakwah terhadap warga kampus. Namun seolah ia sebagai satu cabaran, Pusat Islam Universiti telah menyahut cabaran ini dengan mengikuti norma baharu dalam menjalankan aktiviti dan program seperti biasa dalam bentuk maya tanpa mengurangkan sedikit pun perancangan asal. Kebajikan juga telah dilangsungkan tanpa tergendala walau selangkah. Bahkan Pusat Islam Universiti telah mendepaninya dalam bentuk yang lebih bersemarak melalui kepelbagaian aktiviti tambahan yang tidak pernah dijangka sebelum ini.

Pusat Islam UMK telah bergerak dengan lebih terarah, tersusun dan terkehadapan dengan begitu pantas apabila pelbagai program secara maya diteruskan tanpa mengatur langkah ke belakang. Seusai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan, setiap hari bekerja tidak kurang daripada dua atau lebih slot yang ditampilkan atas nama Pusat Islam UMK. Terima kasih dan tahniah kepada warga staf Pusat Islam Universiti yang begitu bersemangat mempelajari dan menekuni elemen baharu penerokaan dakwah ini sama ada dari aspek teknikal, pelaksanaan dan pengisian slot yang diketengahkan untuk tontonan yang bukan sahaja warga universiti, bahkan masyarakat seluruhnya. Kesungguhan ini wajar dipuji dan hanya kepada Allah kita berserah untuk menganjarinya.

Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada ketua editor, barisan editor yang merupakan staf pusat Islam Universiti dan semua pihak yang menjayakan penerbitan Makalah ini dalam bentuk yang baharu. Penampilan edisi ini memang jelas memperlihatkan betapa jauh Pusat Islam UMK dapat digerakkan. Diharapkan agar pembaca dapat mengambil sekelumit ilmu dan pengetahuan yang bermanfaat daripada apa yang dizahirkan dalam Makalah kali ini.

Sekian, wassalam.

Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad



# TINTA KETUA EDITOR

Alhamdulillah dengan rahmat dan izin Allah S.W.T, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi dapat menerbitkan Makalah bagi Edisi ke-6 (Januari-Jun 2020) dalam bentuk digital.

e-Makalah keluaran kali ini menyajikan pelbagai maklumat berkaitan program-program yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UMK bagi bulan Januari hingga Jun 2020 meskipun negara kita dilanda pandemik COVID-19. Di samping itu, makalah ini juga diisi dengan dua artikel ilmiah yang menyentuh berkaitan dengan Keperluan Didik Cara Islam Dalam Menghadapi Cabaran Global Langit Terbuka dan PHD: Peluang Hayati Dalil.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua unit dan staf Pusat Islam UMK yang telah banyak membantu dalam proses menerbitkan makalah kali ini khususnya barisan editorial Pusat Islam UMK.

Akhir kalam, semoga makalah ini dapat dijadikan salah satu bukti usaha dan kejayaan Pusat Islam UMK dalam melaksanakan program-program pembangunan rohani, kebajikan serta kemasyarakatan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat. Saya mewakili Pusat Islam UMK mengalu-alukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami. Semoga segala sumbangan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wasalam.

Ainul Kauthar Karim

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Sidang Editorial | 2 |
| Kalam Pengarah | 2 |
| Tinta Ketua Editor | 3 |
| Isi Kandungan | 3 |
| Keperluan Didik Anak Cara Islam dalam Menghadapi Cabaran Langit Terbuka | 4 |
| Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Masjid IPT | 7 |
| PHD : Peluang Hayati Dalil | 8 |
| Pengagihan Bantuan Khas Ramadan | 10 |
| Bantuan Khas Kecemasan PKP | 12 |
| Program Bicara Ramadan Online | 13 |
| UMK@QuranTime | 14 |
| UMK@HadisTime | 15 |
| Seminar dan Taklimat Zakat | 16 |
| Program Kerja Till Jannah Perdana | 18 |
| Program Kerja Till Jannah | 19 |
| Sisters Circle | 20 |
| Kunjungan Hormat Masjid al-Abrar ke Masjid UMK Bachok | 21 |
| Ceramah Perdana Sempena Hari Pekerja | 22 |
| Bicara HELWA IPT | 23 |
| Majlis Pelancaran Ihya' Ramadan 1441H | 25 |
| Sumbangan MAIK melalui Masjid UMK Kampus Jeli | 26 |
| Usrah@PIUMK | 26 |
| Sudut Kenali Staf | 27 |
| Staf Menimang Cahaya Mata Baharu | 27 |
| Staf Baharu @PIUMK | 28 |
| Pelajar Praktikal | 28 |

Keperluan Didik

# Cara Islam

## Dalam Menghadapi Cabaran Global Langit Terbuka

**Oleh : Azhar bin Muhammad**

Pendidikan adalah satu proses perubahan tingkah laku seseorang. Para pendidik seperti ibu bapa, guru, pensyarah dan lain-lain perlu memainkan peranan yang semaksimum boleh bagi membentuk pengetahuan dan perubahan tingkah laku anak-anak didiknya dengan berkesan. Walau bagaimanapun, pendidikan tidak dapat lari daripada pengaruh persekitaran yang akan memberi kesan kepada pelajar. Cabaran-cabaran yang dilalui oleh mereka semakin hari semakin membimbangkan terutama dalam menghadapi alaf baharu, era globalisasi dan pendidikan abad ke-21 kini. Dasar global langit terbuka di abad ini menjadikan cara mendidik makin mencabar. Pelajar akan turut sama melibatkan diri mereka dengan apa yang dibawa oleh arus perubahan masa. Di samping kebaikan yang didapat diambil, terdapat banyak gejala yang tidak sesuai ditempuhi oleh anak-anak yang meningkat dewasa. Tanpa bantuan dan bimbingan pendidik seperti ibu bapa, guru, pensyarah, ilmuwan dan lain-lain, mereka akan hanyut dibawa oleh arus dan cabaran global langit terbuka hari ini.

Pendidikan yang disebut dengan *"tarbiyyah"* membawa erti tumbuh, berkembang, memelihara, mentadbir, meminjam dan memperbaiki. Istilah *"tarbiyyah"* bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang individu selaras dengan dasar yang digariskan oleh sesuatu falsafah agar individu tersebut dapat menunjukkan keperibadian yang tinggi dalam setiap perilakunya. Falsafah adalah unsur paling utama dalam pendidikan kerana sikap manusia yang ingin dilahirkan dalam sistem pendidikan adalah bergantung kepada falsafah yang disalurkan melalui pendidikan. Falsafah pendidikan Islam berusaha melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan dari segi material dan rohani. Oleh itu, insan yang terdidik berasaskan kepada falsafah pendidikan Islam akan bersifat dengan sifat-sifat takwa, ikhlas, benar dalam percakapan, amanah dalam pekerjaan, istiqamah dalam tingkah laku dan seterusnya memiliki sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji.

Justeru pendidikan cara Islam mempunyai kedudukan yang amat tinggi sehingga dikira sebagai satu ibadah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* meletakkan taraf orang yang berpendidikan kepada satu tahap yang tinggi sebagaimana yang disebut dalam al-Quran (surah al-Mujadalah:11). Tidak hairanlah, wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu'alayhi wasallam* dimulai dengan perintah yang mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan pendidikan (Al-Quran, surah al-Alaq: 1). Pendidikan dalam Islam tidak terhenti kepada pendidikan duniawi sahaja, bahkan meliputi kedua-dua lapangan dunia dan akhirat. Maka sebab itu walau apapun situasi yang dihadapi oleh dunia kini, pendidikan Islam tetap akan berasaskan ketetapan "tarbiyyah" dalam erti kata yang sebenar walau di abad mana sekali pun keberadaan seseorang. Konsep ini berasaskan kepada keseimbangan dan integrasi antara roh, akal dan jasad. Ia penting bagi menggunakan seluruh potensi fitrah manusia agar dapat melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi. Manakala matlamat pendidikan Islam adalah untuk membangun manusia agar mampu melaksanakan tanggungjawab melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini mengikut syariat ilahi.

### Pendidikan Secara Tidak Formal dan Formal

Islam mempunyai cara dan kaedah tersendiri dalam pendidikan anak-anak. Dasar-dasar pendidikan dalam Islam dapat dilihat pada pendidikan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad *sallallahu'alayhi wasallam* sendiri dan para sahabat. Contohnya baginda mengajar pendidik sebaik sahaja anak itu dilahirkan, beberapa amalan berbentuk didikan telah digalakkan dalam Islam seperti mengalunkan azan dan iqamat ke telinga anak yang sebaik dilahirkan.

Pendidikan seterusnya adalah dalam bentuk yang rasmi apabila mereka memasuki alam persekolahan dan pengajian tinggi. Pada tahap ini, peranan ibu bapa akan dikongsi bersama oleh guru dan pensyarah di mana-mana institusi pendidikan.

Pelajar akan mengalami suatu proses pendidikan secara menyeluruh dan formal. Pendidikan formal ialah pendidikan rasmi yang berteraskan kepada kurikulum terancang, falsafah, matlamat dan objektif tertentu, bilik darjah, tenaga pengajar yang terlatih, waktu pembelajaran yang ditetapkan dan penilaian yang formal sebagaimana yang dilaksanakan di institusi-institusi persekolahan dan pusat-pusat pengajian tinggi pada hari ini. Peringkat pendidikan formal kini telah mengalami kemajuan yang pesat hingga terdapat dalam pelbagai aliran pengajian seperti aliran agama, sains dan teknologi, teknik dan vokasional serta sebagainya. Pendidikan dipecahkan kepada empat peringkat utama iaitu peringkat permulaan, peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi. Dengan itu, ibu bapa atau pendidik perlu memainkan peranan dalam membentuk pendidikan pelajar. Pendidikan ini diharap dapat membekalkan mereka kesedaran bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa era globalisasi serta dapat membentuk tingkah laku dan peribadi mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

**Cabaran Pendidikan Abad Baharu**

Dasar global langit terbuka di abad ini menjadikan dunia ini semakin kecil dan sempit. Semua maklumat dan pengetahuan boleh didapati dengan mudah dan berada di hujung jari sahaja. Penciptaan alatan-alatan canggih seperti teknologi berkomputer dan sebagainya telah dapat membantu manusia mencapai pengetahuan dan kemajuan dengan pesat sekali. Walau bagaimanapun, di samping kecanggihan yang memberikan faedah, terdapat banyak keburukan yang ditakuti akan memusnahkan peradaban manusia sejagat terutama terhadap pelajar. Segala yang dikehendaki dapat dicapai tanpa ada batasan dan penapisan. Ini akan membuka ruang seluas-luasnya untuk melakukan apa sahaja sama ada positif atau negatif. Penggunaan internet bebas tanpa sempadan memberi peluang kepada mereka melayari dan menerokai laman-laman web yang mengandungi pelbagai maklumat serta gambar yang tidak sepatutnya mereka lihat. Perhubungan dapat dijalinlangsungkan secara bebas antara satu sama lain, bahkan boleh berkomunikasi antara mereka.

Dunia era globalisasi hari ini menyaksikan pelajar tidak dapat lari daripada berkomunikasi dengan masyarakat setempat dan melibatkan diri bersama segala aktiviti yang dijalankan. Aktiviti-aktiviti sosial ini akan memberi kesan yang besar kepada perkembangan dan pertumbuhan anak-anak dari segi pemikiran, tingkah laku, pertuturan, pergaulan dan sebagainya. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, cabaran sosial terhadap anak-anak begitu ketara sekali dan akan menjadi lebih parah apabila tidak dibendung dengan segera. Antara cabaran tersebut ialah kemerosotan akhlak dan nilai moral yang dapat diperhatikan melalui cara mereka berpakaian, cara bertutur kata, cara berkomunikasi dengan orang yang lebih tua dan cara tindakan tingkah laku. Dalam semua aspek yang disebutkan, mereka ternyata terikut-ikut dengan kehidupan modenisasi Barat yang dibawa oleh arus perkembangan media yang telah berjaya memasuki setiap buah rumah pada hari ini. Kebebasan berhiburan ternyata telah mempengaruhi para pelajar dengan perkembangan industri muzik dan perfileman yang memertabatkan artis-artis popular sama ada dalam atau luar negara. Mereka kini leka dengan nyanyian-nyanyian dan aksi-aksi yang ditayangkan dalam filem hingga ke satu tahap di mana mereka menjadikan golongan ini sebagai idola dalam setiap perilaku, pakaian, tutur kata dan sebagainya. Pergaulan bebas pula telah menjadi perkara biasa bagi mereka disebabkan kemudahan bebas untuk berkomunikasi. Temu janji boleh dilakukan hanya dengan menghantar mesej di hujung jari sahaja untuk mengadakan pertemuan.

**Mendidik Cara Islam Perlu Dipertahankan Sepanjang Masa**

Tanggungjawab ibu bapa dan pendidik amat besar sekali dalam pendidikan pelajar bermula sejak tahun-tahun kelahiran anak hingga dewasa. Cabaran-cabaran yang akan ditempuhi oleh anak-anak amat hebat dan mereka tidak akan dapat menghadapinya tanpa bantuan dan bimbingan para pendidik seperti ibu bapa dan guru melalui pendidikan yang berteraskan kepada Islam. Cara mendidik Islam perlu diperkasakan lagi bagi manambah daya tahan dan imunisasi menghadapi era baru ini.



Pendidik perlu meperkenalkan asas-asas keimanan dan membiasakan diri pelajar dengan rukun-rukun iman dan Islam serta prinsip-prinsip syariat dan asas-asas pengajaran Islam dengan mengenal pasti Islam dari segi akidah dan ibadah. Contohnya mengenalkan Allah, kekuasaan-Nya dan ciptaan-ciptaan-Nya, menanam ruh khusyuk, takwa dan ubudiyyah, mendidik jiwa sentiasa ingat kepada Allah dalam apa jua keadaan, galakan azan dan iqamat sebaik dilahirkan, perkenalkan hukum halal dan haram dan beribadat sejak berumur 7 tahun seperti solat dan lain-lain. Pendidikan keimanan sebagai perisai utama kepada anak-anak untuk menghadapi cabaran kerana seorang muslim yang kuat dan teguh keimanannya kepada Allah tidak akan mudah terpengaruh dengan apa sahaja yang bertentangan dengan Islam.

Pendidik dan ibu bapa perlu mengenalkan prinsip akhlak yang baik ke dalam jiwa pelajar sejak kecil lagi seperti berkata benar, amanah, suka menolong, menghormati yang tua, berbuat baik kepada jiran dan bersifat kasih sayang antara satu sama lain Anak-anak yang terdidik dengan akhlak Islamiah tidak akan mudah terpengaruh dengan nilai-nilai yang bertentangan dengan etika akhlak mulia seperti yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu'alayhi wasallam*.

Pendidik perlu membentuk pemikiran anak-anak dengan perkara bermanfaat daripada ilmu-ilmu syariat, pengetahuan ilmiah dan kesedaran pemikiran yang matang seperti menyedarkan tentang kewajiban belajar dan menuntut ilmu, tentang pemikiran Islam dalam urusan keduniaan dan negara, perundangan, sejarah dan gerakan dakwah Islam. Kesihatan akal dan pemikiran anak-anak perlu dijaga iaitu dengan menjauhkan mereka daripada anasir yang boleh merosakkan minda seperti rokok, arak, dadah, dan menonton filem lucah. Pendidikan ini penting dalam memastikan anak-anak dapat menilai segala ideologi yang bertentangan dengan Islam.

Pendidik perlu menanamkan sifat-sifat terpuji seperti berani, tidak pemarah, tabah, ikhlas dan bebas daripada penyakit-penyakit rohani seperti penakut, dengki dan sebagainya. Pendidik juga perlu memastikan anak-anak dapat melalui peringkat pertumbuhan fizikal yang sihat dan cergas seperti memberi nafkah secukupnya seperti makan, pakaian dan tempat tinggal, menjauhkan dari segala penyakit, mengubati yang sakit dengan sempurna dan membiasakan anak dengan aktiviti kecerdasan tubuh badan.

Pendidik mesti melazimkan anak-anak dengan adab susila dan asas kerohanian yang tinggi, melengkapkan mereka dengan ilmu-ilmu pergaulan yang baik dalam masyarakat. Antara langkah yang perlu diambil adalah menanam asas kerohanian yang tinggi ialah ukhwah, rahmat, memaaf, mengutamakan orang lain. Juga memelihara hak orang lain seperti hak ibu bapa, kerabat, jiran, guru, rakan, orang lebih dewasa serta melazimkan diri dengan adab sopan santun seperti adab makan, minum, memberi salam, minta izin, bercakap, bergurau, beri tahniah, takziah. Anak-anak yang terdidik dengan kaedah ini akan berada dalam sesebuah masyarakat dengan baik dan tidak mudah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial yang menyimpang dari ajaran Islam.

Pendidik harus mengajar dan memperkenalkan secara terus terang kepada pelajar tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan seks serta hubungannya dengan fitrah semula jadi manusia yang diciptakan oleh Allah. Beberapa perhatian perlu diberikan dalam pendidikan ini seperti adab meminta izin, adab memandang sama ada mahram dan bukan mahram. Mereka juga patut dicegah daripada pengaruh-pengaruh seks seperti pemerhatian dalaman rumah seperti keluar masuk bilik ibu bapa, tempat tidur berlainan jantina, dan melayari secara bebas internet. Begitu juga dengan pemerhatian luar rumah seperti fesyen pakaian, tempat hiburan, gambar dalam akhbar, iklan di jalanan, pergaulan rakan sebaya, percampuran bebas lelaki perempuan. Mereka juga perlu diberikan penerangan tentang hal-hal yang berhubung dengan orang-orang yang baligh, perkahwinan dan alam berumahtangga.

**Rumusan**

Mendidik cara Islam amat diperlukan dan merupakan alternatif terbaik dalam menangani cabaran dalam era langit terbuka kini. Para pendidik perlu sedar akan kepentingan pendidikan Islam terhadap pelajar dalam mengharungi hidup yang semakin mencabar dan perlu mengambil tindakan segera melengkapkan mereka dengan pendidikan cara Islam. Mereka perlu dididik dengan pendidikan Islam yang syumul mencakupi bidang-bidang keimanan, akhlak, pemikiran, rohani dan jasmani, sosial dan seksual. Sekiranya anak-anak ini didedahkan dengan pendidikan sedemikian, mereka akan dapat menghadapi cabaran semasa abad ini sama ada dalam aspek teknologi, sosial, ideologi sesat dan sebagainya melalui timbangan dan neraca Islam.



# KONVENSYEN PENGURUSAN HAL EHWAL MASJID IPT MALAYSIA

Oleh : Wan Mohd Amir bin Yusoff

Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi (JAHEIS) telah menganjurkan Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Masjid Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia pada 26 Februari 2020 bertempat di Bilik Seminar 2, Bangunan Canselori, UMK Bachok.

Konvensyen sehari tersebut disertai seramai 70 orang peserta yang melibatkan 32 Pusat Islam seluruh IPT di Malaysia. Menurut pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Prof. Madya Dr. Aminudin Ruskam, antara pengisian konvensyen tersebut adalah pembentangan berkenaan pengurusan hal ehwal masjid daripada 12 Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara.

Konvensyen ini diserikan dengan kehadiran YB. Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan sebagai ucaptama yang membentangkan tajuk Memperkasakan Peranan Masjid Universiti dan sebanyak 15 kertas kerja telah Berjaya dibentangkan oleh pelbagai institusi pengajian tinggi.

Konvensyen tersebut dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMK. Dalam ucapan beliau, menyatakan bahawa konvensyen ini merupakan salah satu platform yang amat baik untuk menunjukkan kebersamaan Pusat Islam IPT serta dapat berkongsi idea dan pandangan bagi penambahbaikan pengurusan hal ehwal masjid di IPT. Harapan beliau agar kerjasama antara Pusat Islam UMK dan JAHEIS akan diteruskan pada masa hadapan serta diperhebatkan lagi.










Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, konvensyen ini merupakan penganjuran pertama yang dianjurkan oleh Pusat Islam yang melibatkan seluruh Pusat Islam IPT di Malaysia.

Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad juga memaklumkan bahawa peserta konvensyen kali ini turut dibawa melawat ke Masjid Ar-Rahman Pulau Gajah di Pengkalan Chepa dan pada sebelah malam pula, peserta konvensyen juga berkesempatan ke Majlis Ramah Mesra JAHEIS Bersama YB Dato' Panglima Perang Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan.

Mengambil peluang yang ada dengan konvensyen ini, pada keesokan harinya telah berlangsung satu Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam IPT di Universiti Malaysia Kelantan yang telah dipengerusikan oleh Ybrs. Prof Madya Dr. Aminudin Ruskam dan Pusat Islam UMK telah menjadi tuan rumah buat kali kedua selepas penganjuran Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam IPT.



Majlis Ramah Mesra di Kediaman Rasmi Menteri Besar di Kediaman Rasmi Menteri Besar (JKR 10)



Lawatan ke Masjid Ar-Rahman Pulau Gajah



MesyuaratJawatankuasa Hal Ehwal Islam IPT



# PHD: Peluang Hayati Dalil

(ALI IMRAN:190-191)

Oleh : Asma Lailee Mohd Noor

*"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (dalil) [kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah] bagi orang-orang yang berakal (ulul albab)"*

*"Orang-orang yang berakal itu ialah orang-orang yang **menyebut dan mengingati** Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula **memikirkan tentang kejadian langit dan bum**i sambil berkata: "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka"*

Hasan berlari laju menuruni lereng bukit sambil tangannya menggenggam erat jemari ibu. "Cepat mama, kita dah nak dekat nampak dah Durdle Door tu. Kakak kata bila hari kiamat '*door*' tu runtuh. Nanti kita tak ada can (chance) nak tengok dah."

Begitulah antara perbualan dalam perjalanan ke Jurassic Coast berdekatan Lulworth, Dorset. Sebuah kawasan yang tidak jauh dari tempat kami tinggal. Perjalanan ke sana mengambil masa sekitar satu jam setengah. Di situ terdapat sebuah 'pintu' yang terbina daripada batuan bukit yang terhakis.. Proses hakisan ini direkodkan telah berlaku sejak 140,000 tahun lalu. Ianya merupakan senibina batu kapur semulajadi yang mempunyai beberapa kesan hutan fosil di bahagian atas pintu tersebut. *Durdle* berasal dari perkataan Inggeris Kuno yang bererti 'berlubang'.

Saat melihat Durdle Door itu, mata seolah-olah tidak mahu berkelip. Hati tidak henti mengucap subhanallah. Sungguh menakjubkan. Sungguh unik bentuknya. Sungguh hebatnya Tuhan. Hakikatnya memang banyak ciptaan Allah s.w.t. yang diperlihatkan kepada kita di serata muka bumi. Syukur padaNya kerana memperlihatkan kejadian-kejadian ini untuk kita ambil iktibar melakar hari esok.

Perjalanan kembara ilmu ini bukan semata-mata untuk segulung ijazah, tetapi ianya juga sebagai satu peluang menghayati dalil. Dalil bermakna isyarat, tanda, dan bukti kekuasaan, keagungan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah s.w.t. yang boleh kita dapati daripada kejadian dan ciptaan alam semesta.

Pengajian Phd ialah satu peluang. Peluang melakukan senaman minda untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang yang ditekuni. Peluang mendalami dan menghayati setitik ilmu dari lautan ilmu-ilmu yang diberikan oleh Tuhan. Bila tamat pengajiannya, bolehlah dikatakan pakar dalam ilmu yang diterokai seluas satu titik itu sahaja. Jika dibandingkan dengan usaha dan susah payah selama bertahun-tahun lamanya untuk menyiapkan pengajian yang penuh dengan ranjau dan duri itu, hanyalah untuk dapat meraih kepakaran tentang satu perkara yang saiznya cuma satu noktah. Sungguh tidak adil hidup ini. Justeru itu, kita perlu melihat dari dimensi yang berbeza, agar semua usaha dan segala upaya yang dikorbankan untuk segulung ijazah doktor falsafah itu lebih terasa nikmat dan berharga mengikut nilaian Allah s.w.t.

Menyambung pengajian ke peringkat PhD juga merupakan suatu ujian yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada hamba-hamba yang dipilihNya untuk diuji dan diduga kekuatan jiwanya dan keutuhan pautannya dengan Zatnya. Ia satu tawaran perjalanan yang menarik tetapi penuh dengan perit jerih dan susah payah.

Phd biasanya menjadi salah satu titik dalam plot perjalanan hidup seorang ahli akademik. Ahli akademik ialah orang-orang yang berakal. mereka dikatakan mempunyai tahap pemikiran kelas pertama. Golongan yang berakal diungkapkan di dalam al-Quran sebagai golongan Ulul Albab. Ahli akademik ialah golongan ulul albab. Golongan yang memilki kemahiran berfikir aras tinggi. Mereka digelar golongan intelektual.

Lantas, apa yang dituntut daripada seorang intelektual. Kualiti pengajaran atau geran penyelidikan? Penerbitan artikel jurnal atau bab dalam buku? Penyeliaan pelajar atau penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan? Semuanya ini menuntut kerahan tenaga dan akal yang mana jika ianya dipenuhi tanpa panduan yang jelas, akan menjadi sembahan secara tidak sedar. Ahli akademik menjadi hamba kerja dan tenggelam dalam dunianya sendiri. Sedang Allah s.w.t. menyeru orang-orang yang berakal ini agar menjadi hambaNya yang paling dekat denganNya, yang sentiasa menyebut dan mengingatiNya dalam semua posisi rutin hariannya sama ada semasa berdiri, duduk, mahupun berbaring.

Alam itu ensiklopedia. Penciptaannya menjana fikir. Allah s.w.t. inginkan golongan intelektual yang selalu berfikir dari penciptaan alam itu. Golongan intelektual juga ialah ahli ibadah. Kerja buatnya sehari-hari mengingatkannya kepada Allah setiap masa. Mereka lebih merasai keakraban dengan Allah. Mereka lebih hebat ubudiyyahnya kerana dekat dengan kebenaran ilmu. Merekalah yang lebih faham tanda-tanda ciptaan Allah s.w.t. dan mereka jugalah yang lebih menghubungkan banyak perkara kepada Pencipta kerana lebih mampu untuk merasai keagungan dan pengawasanNya.

*"Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka".* Di hujung ayat 191 surah Ali Imran itu Allah s.w.t menegaskan bahawa ciptaanNya sama sekali tidak sia-sia. Ada tanda bagi orang yang berfikir. Ada dalil bagi yang ingin menghayatinya. Ada isyarat jika benar-benar memerhatikannya. Pada akhirnya, pemikiran, penghayatan, dan pemerhatian ini membawa kepada kejayaan yang hakiki iaitu perlindungan dari azab neraka sepertimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-An'aam, ayat 16 yang bermaksud, *"Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesugguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya; dan itulah kejayaan yang jelas nyata".*

*"Alam itu ensiklopedia. Penciptaannya menjana fikir. Allah s.w.t. inginkan golongan intelektual yang selalu berfikir dari penciptaan alam itu. Golongan intelektual juga ialah ahli ibadah. Kerja buatnya sehari-hari mengingatkannya kepada Allah setiap masa. Mereka lebih merasai keakraban dengan Allah. Mereka lebih hebat ubudiyyahnya kerana dekat dengan kebenaran ilmu. Merekalah yang lebih faham tanda-tanda ciptaan Allah s.w.t. dan mereka jugalah yang lebih menghubungkan banyak perkara kepada Pencipta kerana lebih mampu untuk merasai keagungan dan pengawasanNya."*




# PENGAGIHAN BANTUAN KHAS RAMADAN 1441H

19 April 2020. Pusat Islam Universiti telah mengagihkan RM147.400 kepada pelajar, staf dan masyarakat kategori asnaf sekitar UMK Bachok. Bantuan tersebut telah diusahakan memandangkan masalah kesempitan ekonomi keluarga khususnya golongan asnaf yang agak membimbangkan dalam kalangan warga UMK dan masyarakat, lebih-lebih lagi berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada penularan virus Covid-19. Keperluan mereka juga semakin mendesak menjelang Ramadan. Justeru, Pusat Islam UMK merancang beberapa skim bantuan untuk meringankan beban mereka yang memerlukan.

Bantuan khas Ramadan ini merupakan rentetan dari siri bantuan khas yang diadakan menjelang Ramadan 1440H dan sempena PKP akibat  daripada penularan virus Covid-19. Objektif bantuan tersebut ialah meringankan beban kewangan staf dan pelajar UMK serta masyarakat kategori asnaf, mendekati mereka yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan beban mereka, serta menjadikan UMK sebagai universiti yang mesra masyarakat dengan melaksanakan program-program bantuan sosial.

Ketua projek tersebut, Mohd Binyamin bin Che Yaacob berkata sumbangan zakat yang diterima daripada staf UMK, alumni UMK, pihak swasta dan persendirian itu dimanfaatkan kepada 1,100 asnaf dalam kalangan pelajar, staf dan masyarakat sekitar kampus Bachok, Pengkalan Chepa dan Jeli.










Diantara bantuan yang diagihkan sempena bantuan zakat khas Ramadan ialah bantuan kepada pelajar iaitu Bantuan Sokongan pengajian kepada 200 pelajar asnaf iaitu RM500 setiap pelajar, Bantuan Asnaf Saraan Pusat Islam iaitu 10 orang pelajar dengan bantuan zakat sebanyak RM300 setiap pelajar. Selain itu bantuan zakat juga turut diagihkan kepada staf UMK dalam kalangan B40 diantaranya staf kontrak pembersihan dan staf gred rendah seramai 250 orang dengan bantuan berupa barangan dapur. Pusat Islam juga turut memberikan bantuan zakat kepada keluarga asnaf dan anak yatim sekitar UMK Bachok, kampus kota dan kampus Jeli. Sebanyak 350 keluarga asnaf dan anak yatim telah dipilih melalui penghulu kampung  masing-masing melalui program Jelajah Sinar Ramadan. Bantuan wang dan barangan dapur disampaikan oleh Prof.Ts Dato' Noor Azizi bin Ismail Naib Canselor UMK melalui sesi ziarah rumah ke rumah.

Pusat Islam Universiti juga telah memilih rumah anak yatim iaitu rumah anak yatim Darul Saadah Kandis Bachok bagi bantuan baju raya kepada semua penghuni rumah anak yatim tersebut. Sebanyak 100 pasang baju raya lelaki dan perempuan telah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dalam satu majlis penyerahan baju raya. Pengarah Pusat Islam dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata, "Kita harap bantuan baju raya ini dapat mengembirakan hati semua penghuni rumah ini walaupun menyambut Hari Raya jauh daripada keluarga".
















# BANTUAN KHAS KECEMASAN

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

**23 Mac 2020 –** Pusat Islam UMK telah mengagihkan zakat iaitu Bantuan Khas Kecemasan kepada pelajar dan masyarakat asnaf berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada penularan virus Covid-19.

Bantuan tersebut adalah berupa wang saku dan penyediaan makanan kepada pelajar yang berada dalam dan sekitar kampus berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta bantuan sokongan sara diri bagi meringankan beban pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri di luar negara yang terjejas.

Bantuan ini merupakan keprihatinan Pusat Islam UMK mendalami kesukaran pelajar menghadapi PKP akibat virus Covit-19 yang melanda Malaysia.

Objektif bantuan tersebut ialah menyantuni pelajar asnaf UMK dalam menelusuri kesukaran hidup yang ditanggung berikutan PKP, memberi galakan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dalam meningkatkan motivasi mereka dan sebagai keprihatinan Pusat Islam membantu pelajar di saat yang memerlukan terutamanya pelajar asnaf.

Seramai 200 pelajar asnaf menerima wang saku sebanyak RM100 seorang dan 200 pelajar asnaf yang terkandas di kampus dan sekitar menerima makanan tambahan berupa makanan kering seperti roti, biskut air kotak dan sebagainya.

Selain itu, seramai 6 orang pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri di luar negara seperti Thailand, Indonesia dan Singapore yang terkandas bagi meringankan beban kewangan pelajar. Mereka menerima RM500 setiap pelajar bagi urusan balik ke Malaysia. Jumlah bantuan zakat keseluruhan bagi bantuan tersebut ialah RM49,000

Pengagihan bantuan disempurnakan oleh Prof.Ts Dato' Noor Azizi bin Ismail Naib Canselor UMK. Turut hadir Prof. Dr. Zaliman bin Sauli Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Dalam majlis penyampaian tersebut Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad Pengarah Pusat Islam menyatakan bahawa Pusat Islam Universiti akan berusaha dan bersedia memberi bantuan zakat kepada pelajar dan staf yang memerlukan tambahan pula ketika musim sukar menghadapi pendemik Covid-19 ini.

# PROGRAM BICARA RAMADAN ONLINE

Pusat Islam UMK telah menganjurkan program Bicara Ramadan@Facebook Pusat Islam UMK bermula 26 April 2020 bersamaan 3 Ramadan 1441H sehingga 21 Mei 2020 bersamaan 28 Ramadan 1441H. Pada Ramadan kali ini, semua program pembangunan kerohanian dijalankan secara atas talian, berikutan pandemik wabak Covid-19 yang melanda dunia. Antara objektif program ini dijalankan adalah untuk memberikan pengisian yang berterusan pada masa  umat Islam dalam menjalani ibadah puasa 1441H walaupun Ramadan 1441H umat Islam tidak dapat menjejakkan kaki ke masjid untuk beriktikaf dan berterawih di malam hari seperti kebiasaannya. Justeru, Pusat Islam UMK mengambil inisiatif agar majlis ilmu sentiasa diwujudkan agar pengisian Ramadan tidak berlalu begitu sahaja tanpa pengisian melalui majlis-majlis ilmu. Seramai 24 orang penceramah dari luar yang merangkumi penceramah daripada  Pusat Islam IPT dan personaliti dakwah telah dijemput untuk mengisi slot-slot ceramah yang diadakan secara langsung melalui aplikasi Streamyard dan Facebook Pusat Islam UMK.



# UMK@QURAN TIME




UMK@QURAN TIME merupakan program perintis pembelajaran Al Quran secara atas talian. Program ini dimulakan pada bulan Ramadan 1441H sebagai memenuhi keperluan pengisian Ramadan dengan pembacaan Al-Quran dengan tadarus Quran. Program ini ditambah baik dengan menfokuskan pembacaan Al-Quran yang menyentuh aspek hukum-hukum tajwid yang terdapat pada setiap ayat, kalimah demi kalimah. Antara tujuan program ini adalah untuk mendedahkan aspek tajwid dan mengulangkaji hukum hukum bacaan Al Quran agar sentiasa lekat di hati para pembaca Quran. Program yang terbuka pada staf dan pelajar ini bermula jam 9 pagi ini selama setengah jam sahaja dan akan diteruskan pada masa akan datang bagi memanfaatkan platform yang sedia ada melalui atas talian.







# UMK@HADIS TIME




Pusat Islam Universiti telah menganjurkan program UMK@Hadis Time bermula Jun 2020. Program disasarkan secara umum melalui platform Facebook PUSAT ISLAM UMK. Antara tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi penekanan ilmu akidah melalui hadis-hadis yang disampaikan Rasulullah SAW. Melalui program ini peserta program akan mempelajari khusus berkaitan rukun-rukun iman antaranya ialah bab beriman kepada Allah, para malaikat, hari akhirat dan lain-lain. Program UMK@Hadis Time menggunakan kitab Mastika Hadis sebagai rujukan utama pembelajaran bagi program ini. Program ini berlangsung pada setiap hari Rabu jam 11.00 pagi selama setengah jam yang disampaikan oleh pembimbing staf Pusat Islam Universiti.















# SEMINAR DAN TAKLIMAT ZAKAT : Bayar ZAKAT Rezeki BERKAT

Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah menganjurkan Seminar dan Taklimat Zakat pada 20 Februari 2020 bertempat di Auditorium Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu UMK Bachok.

Terdapat dua slot dalam seminar tersebut iaitu slot Kewajipan dan Keberkatan berzakat yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dan slot Pengurusan Zakat dan Kaedah Pengiraan (Zakat dan LHDN) yang disampaikan oleh Ustaz Ridwan bin Muhammad Pegawai Zakat MAIK. Seminar tersebut mendapat perhatian daripada staf dan pelajar UMK dengan dihadiri oleh 250 orang peserta. Seminar yang diadakan bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.30 tengahari itu bermatlamat untuk memberi pendedakan berkaitan kewajipan berzakat dan kaedah pengiraan zakat.

Selain seminar zakat, majlis tersebut juga diadakan penyampaian zakat kepada pelajar dan staf UMK. Seramai 100 orang staf menerima Bantuan Awal Persekolahan yang merupakan bantuan pembelian peralatan sekolah kepada anak-staf. Pelajar asnaf juga menerima sumbangan zakat pada di majlis tersebut iaitu seramai 700 orang pelajar menerima Bantuan Sokongan Pengajian, Bantuan Saraan Pengajian dan Bantuan Awal Pelajar Baharu. Jumlah keseluruhan bantuan zakat diagihkan pada majlis tersebut ialah RM405,000.00

Agenda terakhir pada majlis tersebut diadakan gimik perasmian Rumah Asnaf (Teratakcakna@PIUMK Siri.1). Seramai 28 orang pelajar asnaf terpilih untuk mendiami rumah yang disediakan oleh Pusat Islam Universiti secara percuma termasuk bil utiliti.

Majlis dirasmikan oleh Prof.Ts Dato'Naib Canselor UMK. Turut hadir Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Puan Mazula Binti Sabudin Pendaftar UMK, Puan Junaidah binti Badar, Bendahari UMK dan Puan Nurhayati binti Ismail Timbalan Ketua Pegawai Undang-Undang.

Kaunter perkhidmatan zakat juga diadakan sepanjang majlis tersebut. Pihak zakat MAIK memberikan cenderahati istimewa kepada mana-mana staf yang membayar zakat secara potongan gaji bulanan bermula hari tersebut.

# PROGRAM KERJA TILL JANNAH PERDANA




Pusat Islam Universiti dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menganjurkan program Kerja Till Jannah Perdana dengan bertemakan "Jaga Solat, Hidup Berkat" pada 11 Februari 2020 bertempat di Bilik Seminar 2, Bangunan Canselori. Program tersebut dimuatkan dua slot. Slot pertama ceramah bertajuk “Aplikasi Solat Dalam Kerja” telah disampaikan oleh Dr. Mohd Azhar bin Abdullah, Pensyarah Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS). Manakala slot kedua ialah forum yang bertajuk “Solat Menjemput Keberkatan dalam Rezeki” yang menampilkan tiga orang ahli panel, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Dr. Burhan bin Che Daud dan Prof. Madya Dr. Nik Yusri bin Musa dan Dr. Marwan bin Ismail sebagai moderator forum. Program ini telah dihadiri seramai 83 orang peserta dalam kalangan staf UMK. Objektif program ini adalah sebagai salah satu platform untuk menambahbaik kualiti solat dan cara kerja semasa, dalam kalangan peserta khususnya staf UMK.





# PROGRAM KERJA TILL JANNAH




Oleh : Ainul Kauthar KArim

BACHOK, 2 JULAI 2020 – Program berkala yang diadakan pada setiap hari khamis berkonsepkan Kerja Sebagai Ibadah ini telah dimulakan pada tahun 2019 ini telah diteruskan lagi pada tahun ini menggunakan konsep *meet and share* iaitu secara turun padang pergi ke Pusat Tanggungjawab (PTj) di seluruh kampus Universiti Malaysia Kelantan sama ada di kampus Bachok, Kota dan Jeli. Walau bagaimanapun, menurut penyelaras program KTJ, Ustazah Ainul Kauthar Karim menyatakan bahawa selepas arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diadakan seluruh negara pada 18 Mac 2020 ekoran daripada pandemik COVID-19, program ini telah bertukar konsep menerusi secara maya iaitu bersiaran secara langsung di *platform* Google MEET dan disiarkan secara bersama di *platform Facebook LIVE* dan *Youtube* Saluran PUSAT ISLAM UMK. Tambah beliau lagi. program KTJ ini dilihat dapat memberi manfaat yang besar kepada warga kerja UMK khususnya dalam menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah yang diterima Allah dan mendapat keberkatan darinya. Dari segi penyertaan kehadiran, para peserta khasnya dari warga kerja Universiti Malaysia Kelantan juga akan mendapat kredit jam latihan. Menerusi platform secara atas talian ini didapati bahawa program ini turut menjadi perhatian masyarakat apabila sering diikuti oleh warga masyarakat Facebook PUSAT ISLAM UMK dan Youtube Saluran PUSAT ISLAM UMK menerusi *rating view* yang tinggi setiap kali bersiaran.




## PROGRAM SISTERS CIRCLE

Oleh: Ainul Kauthar Karim

Pusat Islam Universiti buat julung kalinya telah menganjurkan program Sisters Circle bermula Jun 2020 yang diadakan secara berkala iaitu pada setiap hari Rabu selama 30 minit bermula jam 11.00 pagi. Program ini yang dibimbing oleh staf-staf wanita Pusat Islam UMK bertemakan kisah-kisah Ummahatul Mukminin iaitu Wanita-Wanita Kekasih Rasulullah SAW yang disiarkan secara langsung secara maya menerusi platform Facebook LIVE Pusat Islam UMK dan juga Youtube Saluran Pusat Islam UMK. Program ini berobjektifkan semoga para wanita khasnya warga kerja UMK yang wanita dapat mengambil pedoman melalui kisah-kisah *Ummahatul Mukminin* dan menjadikan *role-model* dalam kehidupan seharian.

# KUNJUNGAN HORMAT
# MASJID AL-ABRAR, MUKIM PAUH SEMBILAN
## KE PUSAT ISLAM
## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





**Oleh : Wan Mohd Amir bin Yusoff**

**29 FEBRUARI 2020 –** Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima kunjungan seramai 12 orang ahli jawatankuasa Masjid Al-Abrar, Mukim Pauh Sembilan yang diketuai oleh Imam Tua Masjid Al-Abrar, Ustaz Yuzaki bin Yusoff.

Imam Tua Masjid Al-Abrar, dalam ucapannya menyatakan bahawa kunjungan ini merupakan aktiviti tahunan sebagai salah satu inisiatif untuk mendapatkan maklumat bagi menambahbaik gerak kerja dan pengajuran program di masjid. Di samping itu, kunjungan sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan antara Masjid Al-Abrar dan Pusat Islam UMK.

Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, kunjungan tersebut banyak membincangkan tentang pengurusan pengajuran program kerohanian dan pengurusan masjid di Pusat Islam UMK. Beliau berharap hubungan antara Pusat Islam UMK dan Masjid Al-Abrar tidak terhenti dengan kunjungan ini semata-mata dan diharapkan hubungan dua hala yang terbina ini akan berterusan sama ada secara langsung atau tidak langsung pada masa hadapan.







## CERAMAH PERDANA SEMPENA HARI PEKERJA

# BEKERJA Untuk ke Syurga

**BACHOK 29 APRIL :** Bersempena dengan sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei 2020, Pusat Islam UMK telah menganjurkan program Ceramah Perdana yang bertemakan "Bekerja Untuk ke Syurga". Antara objektif program ini adalah memberi kesedaran kepada warga kerja UMK khasnya bahawa matlamat pekerjaan itu haruslah untuk ke syurga yang abadi. Justeru Pusat Islam UMK telah menjemput pakar motivasi terkenal iaitu Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali bagi berkongsikan tips serta panduan untuk bekerja dengan cemerlang. Program yang berdurasikan 1 jam 30 minit itu telah dikendalikan oleh En. Mohd Noor Redza bin Zakaria, Penolong Pegawai Tadbir di Pusat Islam UMK. Menurut penyelaras program, Encik Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady bahawa secara keseluruhannya program ini telah menepati objektif program apabila sambutan yang menggalakkan dari para penonton yang terdiri daripada warga kerja UMK dan pengguna Facebook meskipun dijalankan secara atas talian. Tambahnya lagi, program ini telah disiarkan secara langsung di Facebook Pusat Islam UMK berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara berikutan pandemik COVID-19.



## STAF PUSAT ISLAM SEBAGAI PENCERAMAH

### BAGI BENGKEL PEMANTAPAN PENGANJURAN PROGRAM ATAS TALIAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (BHEPA) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Penganjuran Program Atas Talian untuk semua staf pejabat tersebut. Program berkenaan telah diadakan pada 20 Jun 2020 dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. En. Mohd Noor Redza bin Zakaria, Penolong Pegawai Tadbir Pusat Islam UMK telah dilantik sebagai penceramah dalam program tersebut. Program tersebut diadakan sebagai memberikan pendedahan kepada staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dalam pengendalian program secara talian yang dijalankan oleh Pusat Islam sejak bermulanya perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakkan pada 18 Mac 2020.




# SEJAM BERSAMA AL-QURAN

Oleh: Ainul Kauthar Karim

Pusat Islam UMK telah mengadakan program Sejam Bersama al-Quran yang sinonimnya dipanggil dengan nama program SBQ. Program yang telah dimulakan pada tahun 2019 ini telah diteruskan lagi pada tahun ini menggunakan konsep *meet and share* iaitu secara turun padang pergi ke Pusat Tanggungjawab (PTj) di seluruh kampus Universiti Malaysia Kelantan sama ada di kampus Bachok, Kota dan Jeli. Walau bagaimanapun, selepas Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020, program ini telah bertukar konsep menerusi secara maya iaitu bersiaran secara langsung di *platform* Google MEET dan kemudiannya di Facebook LIVE dan Youtube Saluran PUSAT ISLAM UMK yang dijalankan pada setiap hari khamis (2 kali sebulan) bermula jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi. Menurut Ustazah Ainul Kauthar Karim, penyelaras program SBQ menyatakan bahawa program ini berobjektifkan seisi warga universiti dapat melazimi serta mentadabbur ayat al-Quran sebagai permulaan untuk menjalankan tugasan kerja seharian. Dari segi penyertaan kehadiran, para peserta khasnya dari warga kerja Universiti Malaysia Kelantan juga akan mendapat kredit jam latihan. Menerusi platform secara atas talian ini didapati bahawa program ini turut menjadi perhatian masyarakat apabila sering diikuti oleh warga masyarakat Facebook PUSAT ISLAM UMK dan Yotube Saluran PUSAT ISLAM UMK.




# BICARA HELWA IPT

Oleh: Ainul Kauthar Karim

Unit Hal Ehwal Wanita (HELWA) Pusat Islam UMK telah menganjurkan satu program berbentuk sembang santai dalam kalangan warga kerja yang terdiri daripada kalangan wanita untuk berkongsi pandangan serta pengalaman di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing. Program yang dirancang diadakan secara bersiri itu telah dimulakan pada 24 Jun 2020 yang mana telah membariskan panel jemputan iaitu Ustazah Faizah binti Ismail, Tmbalan Pengarah di Pusat Islam Universiti Malaysia Terengganu dan Ustazah Noorisah Taljid, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan di Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah dengan membincangkan Pembangunan Wanita di Kampus. Program tersebut merupakan kerjasama dengan Pusat Islam UMS dan UMT itu dilihat telah menarik minat para warga kerja dalam kalangan wanita untuk mula mengetahui pengalaman merekka dalam menguruskan pembangunan wanita di kampus mereka.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Islam Universiti, Dr Asma Lailee Mohd Noor yang juga merupakan moderator untuk program berdurasi 1 jam 30 minit itu, program ini banyak membuka mata warga kerja UMK yang terdiri dari kalangan wanita untuk mencintai program-program majlis ilmu yang dianjurkan oleh Pusat Islam Universiti bagi pengisian rohani dan pembangunan. Tambahnya lagi, program yang diadakan secara maya melalui platform Facebook LIVE Pusat Islam UMK banyak memberi impak positif apabila ramai orang dapat mengikutinya walau berada di mana.






# MAJLIS PELANCARAN

## PROGRAM IHYA' RAMADAN SECARA ATAS TALIAN

Oleh: Nor Zakwan Che Musa

PUSAT ISLAM UMK telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadan secara atas talian pada 19 April 2020 yang telah disiarkan secara langsung di Facebook LIVE Pusat Islam UMK. Program telah dirasmikan oleh Naib Canselor iaitu Ybhg Prof. Ts. Dr Noor Azizi bin Ismail yang telah dijemput ke mini studio Pusat Islam UMK. Seterusnya, program Bicara Ramadan@Facebook PUSAT ISLAM UMK bermula 26 April 2020/ 3 Ramadan 1441H sehingga 21 Mei 2020/ 28 Ramadan 1441H. Pada Ramadan kali ini semua program pembangunan kerohanian telah dijalankan secara atas talian berikutan pandemik wabak Covid 19. Antara objektif program ini dijalankan adalah untuk memberikan pengisian yang berterusan pada masa umat Islam menjalani ibadah puasa 1441H walaupun Ramadan 1441H umat Islam tidak dapat menjejakkan kaki ke masjid untuk beriktikaf dan berterawih di malam hari.

Menurut penyelaras program Ustaz Nor Zakwan Che Musa bahawa bagi memastikan setiap warga Universiti mahupun komuniti dapat pengisian ilmu sepanjang Ramadan, Pusat Islam telah mengambil inisiatif agar majlis ilmu sentiasa diwujudkan pada setiap hari bekerja sepanjang bulan Ramadan. Justeru, bagi meyemarakkan aktiviti Ihya' Ramadan bagi peringkat universiti, seramai 24 orang penceramah dari luar yang terdiri daripada personaliti dakwah dan juga staf akademik dari Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK telah dijemput ke program Ihya' Ramadan melalui program Bicara Ramadan pada sebelah pagi, kemudian diikuti dengan program Sabda Pengarah pada sebelah petang yang disiarkan secara langsung melalui aplikasi *Streamyard* dan *Facebook Pusat Islam UMK*. Secara keseluruhannya, penyertaan yang ditunjukkan dari warga kerja UMK dan masyarakat sekitarnya menunjukkan impak positif apabila ramai yang mengikutinya.






# SUMBANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK) MELALUI MASJID UMK KAMPUS JELI

Jeli, 5 April 2020 : Akibat penularan wabak COVID–19 yang telah berlaku pada tahun 2020, dengan penuh prihatin Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melalui Masjid Bandar Jeli dengan kerjasama dengan Masjid UMK Kampus Jeli telah mengagihkan bantuan kepada Asnaf dan penduduk yang hilang punca pendapatan. Jumlah sumbangan MAIK bernilai RM1,500.00 diagihkan dalam bentuk barang keperluan harian seperti beras, susu, telur dan sebagainya. Seramai empat puluh empat keluarga yang telah mendapat bantuan MAIK yang disalurkan bagi penduduk yang terjejas disebabkan wabak COVID - 19. Antara penduduk yang terlibat iaitu penduduk di Kampung Gemang dan Kampung Lakota berdasarkan maklumat jawatankuasa Masjid.







# USRAH STAF @PIUMK

Kelab Pusat Islam (KPI) telah mengadakan Jamuan Aidilfitri dan Usrah Staf@PIUMK bertempat di kediaman Pengarah Pusat Islam UMK, Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad pada 18 Jun 2020. Antara pengisian program itu berkisar perkongsian ilmu dan pengalaman oleh Pengarah Pusat Islam, seterusnya objektif program ini adalah untuk mengeratkan ukhwah sesama staf dan keluarga di samping meraikan beberapa majlis ulangtahun kelahiran staf dan majlis meraikan staf yang mendapat cahaya mata yang baharu. Program yang dihadiri oleh sebahagian besar staf dari kampus Bachok, Jeli dan Kota itu merupakan program pemangkin untuk keharmonian staf dan sebagai medium untuk bertukar-tukar pandangan sesama staf.





# Kenali Staf

Sudut kenali staf PIUMK kali ini memperkenalkan Ustaz Muhammad Husni bin Kamaruddin. Beliau mula berkhidmat di UMK pada 20 Jun 2013 sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam. Mendapat pendidikan rendah di Sek Keb. Pengkalan Chepa 1997 – 2002, pendidikan menengah di SMU (A) Maahad Muhammadi Lelaki 2003 – 2005, SMU (A) Maahad Pengajian Islam Jalan Long Yunus 2006 – 2007 dan menyambung pengajian Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) di Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Beliau mendirikan rumahtangga pada tahun 2014 dan dikurniakan 1 orang anak yang sekarang berumur 5 tahun.



USTAZ MUHAMMAD HUSNI BIN KAMARUDDIN
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM

## KELAHIRAN CAHAYAMATA

## Ustaz **Hafizhuddin**



*Muhammad Haziq Ar Rifai*

Pada tanggal 16 Syawal 1441H bersamaan 8 Jun 2020, isteri kepada Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMK kampus Jeli telah selamat melahirkan anak ketiga. Lahirnya seorang bayi lelaki pada jam 10.30 pagi di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan. Bayi lelaki tersebut yang diberi nama Muhammad Haziq Ar Rifai bin Mohd Hafizhuddin lahir dengan berat 3.2 kg. Dengan kehadiran cahayamata baru ini, warga Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah dan semoga keluarga Ustaz Hafiz bertambah ceria dan sentiasa diberkati Allah Taala.

## KELAHIRAN CAHAYA MATA

### USTAZAH NORMA

Pada 23 April 2020 bersamaan 29 Syaaban 14421H, Ustazah Norma binti Abdullah, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMK Bachok, telah selamat melahirkan seorang bayi perempuan pada jam 7.48 pagi. Bayi yang diberi nama Fatimah Az-Zahrah binti Mohd Afiq tersebut telah dilahirkan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian dengan berat 2.92 kg. Pusat Islam UMK mengucapkan tahniah kepada Ustazah Norma dan keluarga di atas kelahiran cahaya mata sulung tersebut.



*Fatimah Az-Zahrah*

# Staf Baharu@PIUMK

1) Dr Asma Lailee Mohd Noor, pensyarah kanan dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bermula 1 Mei 2020.

2) Puan Ainul Kauthar binti Karim telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir Hal Ehwal Islam (N41) yang memulakan tugas di Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok pada 1 Mac 2020.

1



2



# Pelajar Praktikal Pusat Islam UMK



Pusat Islam UMK telah menerima seorang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menjalani latihan praktikal di Pejabat Pusat Islam UMK Bachok selama tiga bulan bermula 3 Februari 2020 hingga 31 Mei 2020 dan ditempatkan di Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan.

Pusat Islam UMK merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan serta komitmen yang diberikan beliau bagi membantu menguruskan pentadbiran zakat.

**Nama: Wan Syahira Solehah binti Ismail**

**Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama**

**Universiti : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

**PUSAT ISLAM UMK**

**Entrepreneurship is Our Thrust**

Kita **#BinaLegasi** Bersama

**#WeAreUMKFamily**
**#OneUMKOneDream**